

Artikel Penyelidikan

Silat Gayong Pusaka: Jejak Pendekar Tokoh Silat Gayong Pusaka Kelantan

Muhammad Nazmi bin Md Radzi¹, Muhammad Adam Muqhlis bin Mohamad Haniff², Noor Rahmawati Alias^{3,*}, dan Fatin Nur Zulkipli⁴

¹ Fakulti Sains Maklumat, UiTM Cawangan Kelantan; nazmiradzi57@gmail.com;

² Fakulti Sains Maklumat, UiTM Cawangan Kelantan; adammuqhlis@gmail.com;

³ Fakulti Sains Maklumat, UiTM Cawangan Kelantan; rahmawati@uitm.edu.my;  0000-0001-5788-4343;

⁴ Fakulti Sains Maklumat, UiTM Cawangan Kelantan; fatinnurzul@uitm.edu.my;  0000-0003-3234-9066;

* Correspondence: rahmawati@uitm.edu.my; +60133595939

Abstrak: Kajian ini memaparkan hasil temu bual bersama jurulatih Seni Silat Gayong Pusaka Negeri Kelantan, iaitu Yang Dipertua Encik Wan Abdul Halim Wan Mamat, digabungkan bersama hasil analisa dokumentasi pelbagai bahan informasi sekunder. Tokoh yang dipilih merupakan seniman veteran yang mahir dalam seni pertahanan diri iaitu Silat Gayong Pusaka. Tujuan utama pengkaji memilih Encik Wan Abdul Halim Wan Mamat adalah untuk mengetahui sejarah penubuhan Persatuan Silat Gayong Cawangan Kelantan dan juga sumbangan beliau dalam mengangkat seni Silat Gayong Pusaka di mata dunia. Temubual ini dilaksanakan secara temu bual bersemuka di rumah kediaman beliau iaitu di Wakaf Bharu, Kelantan. Tarikh temubual tersebut berlangsung pada 11 Januari 2023, bermula jam 10 pagi sehingga 12 tengah hari. Encik Wan Abdul Halim mempunyai gelanggang silatnya tersendiri di perkalangan rumahnya, bernung di bawah Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong Malaysia Negeri Kelantan. Beliau pernah melatih dan membawa atlet-atlet mewakili negara dalam bidang tersebut seperti Sukan SEA Singapura pada tahun 1993, Belgium Open Championship pada tahun 2007, dan Silat Dunia Jakarta pada 1992. Encik Wan Abdul Halim ataupun dikenali sebagai Cikgu Wan, bukan sahaja dikenali oleh masyarakat tempatan di negeri Kelantan bahkan di luar negara juga beliau disanjung atas kehebatan beliau dalam bidang seni pertahanan diri ini.

Kata kunci: seniman, veteran, silat gayong, temubual, Kelantan



Copyright: © 2026 by the authors. Submitted for open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY) license (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>).

1. PENGENALAN

Silat merupakan seni pertahanan diri yang lazim bagi masyarakat Melayu di Malaysia mahupun di rantau nusantara. Silat diamalkan di Indonesia, Malaysia, Singapura dan Brunei. Silat terbahagi kepada dua iaitu Silat Melayu dan Pencak Silat. Dikatakan silat telah wujud sejak dari abad ke 8 Masihi lagi di Kepulauan Melayu. Di dalam kajian ini, pengkaji mendalami tentang jenis silat yang lebih spesifik iaitu seni Silat Gayong Pusaka Kelantan.

Salah satu jenis silat yang terkenal di Malaysia ialah seni silat gayong pusaka. Seni ini mendapat sambutan yang luar biasa di setiap negeri sehinggakan setiap negeri mempunyai pertubuhan ataupun persatuan yang tersendiri. Silat Gayong Pusaka ini telah diamalkan oleh tokoh-tokoh yang terkenal seperti Mat Kilau, Dato Meor Abdul Rahman, dan lain-lain. Dikatakan pada zaman dahulu setiap

sultan akan mempunyai panglima yang akan menjaga keselamatan daripada segala jenis ancaman dan kejahatan.

Setiap panglima pada masa dahulu akan mempelajari seni silat yang dijadikan asas utama dalam teknik bertempur secara jarak dekat. Hal ini menyebabkan silat berkembang luas kepada masyarakat Melayu bagi membela nasib orang Melayu daripada terus ditindas oleh orang luar. Jelas, silat memberi kebaikan secara langsung bagi seseorang individu dalam mempertahankan diri di masa terdesak. Seni silat gayong pusaka ini harus dipelihara dan dimartabatkan di masa hadapan bagi mengekalkan adat dan tradisi orang Melayu.

Di dalam kajian ini, pengkaji telah berkerjasama dengan Encik Wan Abdul Halim Bin Wan Mamat yang merupakan Yang Dipertua Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong Negeri Kelantan. Pengkaji mengambil keputusan untuk meneruskan kajian ini kerana berminat untuk menemubual beliau mengenai pengalaman hidup tokoh seni Silat Gayong Pusaka dan bagaimana beliau menguruskan Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong Negeri Kelantan.

2. PERMASALAHAN KAJIAN

Di Malaysia, seni silat yang dahulunya merupakan seni pertahanan diri Melayu yang penting, telah mendapat perhatian yang berkurangan serta persepsi yang kurang baik dalam kalangan masyarakat Melayu sendiri. Persepsi negatif masyarakat mengaitkan seni pertahanan ini dengan amalan khurafat kerana terdapat acara penyediaan pengeras pulut kuning dan mandi minyak oleh sebahagian penggiat seni silat Melayu. Amalan ini dikatakan termasuk dalam sebahagian perbuatan khurafat yang menyebabkan seni silat kini semakin dijauhi. Seni silat juga dikatakan tidak mendapat sambutan dan tumpuan seperti dahulu disebabkan pertumbuhan teknologi yang mengalih perhatian golongan muda.

Ilmu persilatan juga tidak lagi dianggap sebagai bidang ilmu yang eksklusif, malah kehadirannya dalam masyarakat hari ini lebih dikenali sebagai acara sampingan dalam majlis perkahwinan dan keramaian. Sesetengah ahli masyarakat juga menganggap seni silat hanya dipraktikkan oleh kaum Melayu sahaja dan tidak disambut baik oleh kaum lain. Oleh itu, pengkaji ingin mendapatkan maklumat terperinci berkenaan seni silat khususnya seni silat gayong, serta menonjolkan sisi istimewa seni silat ini bagi memberi perspektif baharu tentang seni silat seterusnya memartabatkan semula seni pertahanan diri ini. Seni silat juga pernah dipertandingkan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa, dan ini merupakan satu senario yang menunjukkan seni pertahanan diri ini semakin dipandang dan diberi perhatian umum.

3. OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dibuat bagi memenuhi beberapa objektif sebagaimana berikut:

1. Mengetahui tentang latar belakang tokoh Encik Wan Abdul Halim Bin Wan Mamat selaku penggiat seni silat.
2. Mengkaji sejarah kegiatan seni Silat Gayong di Malaysia, khususnya di Kelantan.
3. Mengenal pasti keistimewaan seni Silat Gayong.

4. PERSOALAN KAJIAN

Antara persoalan bagi kajian ini ialah:

1. Apakah latar belakang kehidupan tokoh sebelum dan selepas bergiat dalam seni Silat Gayong?
2. Bagaimanakah permulaan pembentukan dan perkembangan Persatuan Seni Silat Gayong Pusaka di Malaysia, khususnya di negeri Kelantan?
3. Apakah keistimewaan seni Silat Gayong?

5. KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN

Kepentingan kajian ini dijalankan adalah bagi mendapatkan maklumat sumber primer daripada tokoh veteran seni silat gayong negara. Maklumat yang diperolehi adalah penting untuk meningkatkan kefahaman berkenaan ajaran seni silat gayong yang dikatakan bukan sahaja mampu untuk mengukuhkan kekuatan fizikal bahkan juga boleh meningkatkan kekuatan mental. Informasi yang tepat juga amat signifikan bagi memberikan perspektif positif dalam kalangan masyarakat di Malaysia khususnya, agar seni silat dipandang penting sebagai satu elemen sosial dalam keharmonian masyarakat, selain salah satu acara kebudayaan yang mampu ditonjolkan dalam acara serta majlis berprestij dalam negara serta di persada antarabangsa.

Kajian ini diharapkan dapat mendorong masyarakat tempatan, terutamanya golongan muda untuk menghayati serta mempraktikkan ilmu seni silat dalam kehidupan seharian. Seterusnya, kajian ini bakal membantu masyarakat untuk memahami dengan lebih mendalam tentang keistimewaan seni silat dalam membentuk sahsiah dan peribadi baik para pesilat, di samping kepentingannya dalam mewujudkan kesatuan dalam masyarakat pelbagai kaum di Malaysia. Kajian ini akan mengangkat kedudukan seni silat gayong sebagai salah satu elemen kebangsaan untuk menonjolkan nama negara di peringkat global dalam acara-acara yang bersesuaian dan menjadikannya bukan sekadar acara penyeri dalam sesuatu majlis rasmi dalam negara.

6. TINJAUAN LITERATUR

6.1 Sejarah Lisan

Sejarah lisan amat penting dalam merekodkan peristiwa lampau yang pernah dilalui seseorang dan ia merupakan kaedah penyelidikan sejarah yang boleh digunakan untuk mengesahkan kebenaran sesuatu fakta sejarah (Lin, 2020). Sejarah lisan juga merupakan teknik penyelidikan moden bertujuan untuk memelihara fakta sejarah melalui pengkisahan atau penceritaan. Kaedah ini melibatkan proses wawancara individu tertentu yang terlibat secara langsung dengan peristiwa sejarah atau yang hanya menyaksikannya (Saad et al., 2012). Kajian menarik oleh Thompson (2017) berkaitan sejarah lisan adalah perbincangan yang komprehensif berkenaan peranan sejarah lisan dalam hasil kerja sejarah, sosial, dan politik yang diguna pakai oleh pengkaji sejarah, ahli antropologi, ahli sosiologi, ahli psikologi dan sebagainya dalam merekodkan sejarah kehidupan manusia.

Seow (2020) menghuraikan pelbagai kepentingan sejarah lisan dalam sejarah peradaban manusia di mana ia mampu membawa pengkaji kepada sumber sejarah, membantu memberikan gambaran yang lebih jelas tentang sesuatu fakta sejarah, di samping meningkatkan kegiatan penyelidikan sejarah dan sebagai bukti tambahan yang mengukuhkan lagi sumber primer yang sedia ada. Musa (2017) melalui penulisan beliau menjelaskan kepentingan sejarah lisan selepas berlakunya

Perang Dunia Kedua adalah amat ketara. Ini kerana banyak dokumen sejarah yang musnah semasa perang berlaku dan wujud kelompongan dalam dokumentasi sejarah negara. Ekoran daripada keadaan ini, negara-negara Asia Tenggara termasuk Malaysia telah mula menubuhkan Arkib Negara dan mempergiatkan aktiviti sejarah lisan mereka bagi menghasilkan rekod dan menyimpan dokumen-dokumen sejarah negara masing-masing.

6.2 *Seni Silat Gayong*

Seni silat atau pencak silat adalah seni bela diri tradisional yang dipraktikkan oleh masyarakat Melayu yang dikatakan berusia ratusan tahun dan telah diwariskan dari generasi ke generasi. Dalam ekosistem seni pertahanan diri Melayu, silat berfungsi bukan sekadar sebagai mekanisme mempertahankan diri, tetapi juga sebagai sistem nilai yang membentuk kepimpinan jurulatih di samping meningkatkan jati diri dan tatasusila pelatih dan jurulatih itu sendiri. Peranan jurulatih silat amat relevan dan signifikan sebagai pemegang amanah untuk menyampaikan dan mengembangkan ilmu silat mereka. Konsep “pendekar” dalam tradisi silat Melayu merujuk kepada pelbagai aspek keperibadian yang baik dari segi cerminan adab, tanggungjawab, dan kepimpinan (Kusrin, 2025). Silat Gayong dan Silat Cekak merupakan antara jenis seni silat yang bersifat pertahanan diri atau digunakan untuk bertarung atau berperang, di samping pelbagai jenis silat lain dengan gaya dan keistimewaan masing-masing (Bailey, 2024),

Seni Silat Gayong, sebagai salah satu sistem pertahanan diri yang paling berpengaruh di Malaysia, bukan sekadar sebuah disiplin fizikal, malah ia merupakan wadah falsafah, jati diri, dan nasionalisme Melayu. Seni Silat Gayong juga merupakan satu wadah bagi melatih pengamalannya bersemangat kental dan tidak mudah mengalah, malah boleh diketengahkan sebagai aktiviti riadah dan pendidikan (Marzuki & Salleh, 2024). Menurut Ashari dan Ariffin (2022) dalam kajian mereka mengenai Persatuan Gayung Fatani di Kelantan, Silat Gayong menampilkan ciri kekuatan fizikal dan ketahanan mental para pesilat yang dikategorikan kepada pelbagai lapisan bermula daripada “Anak Gelanggang”, “Pesilat Muda”, “Pesilat”, “Pendekar Muda” and “Pendekar”.

Pengasas perguruan Silat Seni Gayong Malaysia adalah Almarhum Dato’ Meor Abdul Rahman bin Daeng Uda Md. Hashim, cucu kepada Daeng Kuning yang lebih dikenali dengan gelaran Panglima Hitam. Beliau merupakan salah seorang daripada lima adik-beradik anak raja Bugis yang mendarat di Tanah Melayu bagi mencari tempat untuk memulakan penghidupan baru. Silat Seni Gayong terus berkembang pesat di Semenanjung Malaysia di bawah kepimpinan Dato’ Meor Abdul Rahman. Usaha dan pengorbanannya mengembangkan seni silat ini telah dirakam oleh Paduka Seri Sultan Perak, Duli Yang Maha Mulia Almarhum Sultan Idris dengan pengurniaan pingat Darjah Paduka Cula Si Manja Kini (DPCM) yang membawa kepada gelaran Dato’ (PSSGM, 2026).

Tinjauan literatur menunjukkan bahawa sejarah lisan berperanan dalam pengajian Seni Silat Gayong di Malaysia. Ia bukan sahaja mengisi kelompongan maklumat dalam arkib rasmi, malah menjadi jambatan untuk memahami falsafah mendalam dan semangat nasionalisme yang mendasari seni ini. Integrasi antara kaedah sejarah lisan konvensional dengan teknologi digital merupakan hala tuju masa hadapan untuk memastikan warisan ini kekal relevan dalam wacana akademik antarabangsa.

Kajian ini merupakan satu kajian untuk mengkaji tentang seorang tokoh dalam bidang seni silat gayong untuk mengetahui tentang latar belakang tokoh, sejarah permulaan dan perkembangan silat Gayong Pusaka serta signifikan seni silat kepada keperibadian pesilat. Hasil daripada kajian ini juga, pengkaji mendapati bahawa Encik Abdul Halim merupakan seorang ahli silat yang berilmu,

serta menaburkan jasa beliau sebagai pelatih yang membawa atlet-atlet di bawah pemantauan beliau ke peringkat antarabangsa dalam pelbagai acara sukan berprestij.

7. METODOLOGI

7.1 Kaedah Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif di mana teknik pengumpulan data yang digunakan ialah temubual, pemerhatian dokumentasi dan laman sesawang media sosial. Kaedah-kaedah ini dijalankan bagi memastikan data yang diperolehi adalah benar dan tepat. Pengumpulan data kualitatif diperolehi melalui kaedah seperti temu bual secara mendalam bagi mengkaji tentang Encik Wan Abdul Halim Bin Wan Mamat. Temubual ini menggunakan soalan-soalan yang telah disediakan oleh pengkaji dan jawapan yang diberikan oleh tokoh adalah terbuka dan jujur daripada pengalaman beliau.

Pada peringkat permulaan, pengkaji menggunakan platform media sosial seperti *Facebook* bagi mendapatkan maklumat awal mengenai tokoh yang dipilih. Melalui maklumat awal ini pengkaji dapat mengetahui tentang aktiviti-aktiviti dan pengalaman beliau dalam industri seni silat gayong pusaka. Setelah bertemu dengan tokoh, pengkaji dibawa oleh tokoh untuk melihat dengan lebih jelas mengenai bagaimana latihan seni silat gayong ini dilaksanakan. Di kediaman beliau juga terdapat gelanggang silat yang lengkap bagi menjalankan latihan ini. Pengkaji juga berpeluang untuk mencuba sesetengah teknik-teknik seni silat gayong pusaka yang diajar oleh tokoh tersebut.

7.2 Peserta Kajian

Pengkaji memilih tokoh ini iaitu Encik Wan Abdul Halim Bin Wan Mamat kerana beliau mempunyai jawatan yang tertinggi di dalam Persatuan Seni Silat Gayong Pusaka Negeri Kelantan. Beliau telah menyandang jawatan sebagai Yang Dipertua Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong Negeri Kelantan. Beliau juga merupakan seorang yang ramah dan profesional kerana beliau juga merupakan seorang Guru Besar di sekolah di sekitar daerah Wakaf Baharu, Kelantan. Beliau juga pernah bergiat aktif dalam membawa atlet-atlet silat Malaysia untuk bertanding di peringkat antarabangsa seperti Sukan SEA dan lain-lain acara sukan.

7.3 Prosedur Pengumpulan Data

Pengkaji dikehendaki melaksanakan kajian sejarah lisan bagi memenuhi keperluan kursus dalam program pengajian akademik di peringkat pengajian tinggi. Pengkaji terlebih dahulu mencari tokoh seniman menggunakan media sosial di *Facebook*. Setelah itu pengkaji menjumpai satu profil *Facebook* iaitu Persatuan Seni Silat Gayong. Pengkaji menghubungi salah seorang ahli persatuan tersebut dan beliau telah memberikan nombor telefon ahli tertinggi di dalam persatuan tersebut iaitu Encik Wan Abdul Halim Bin Wan Mamat. Setelah memastikan tokoh ini belum pernah di temu bual oleh pengkaji yang sama peringkat dan bidang pengajian, maka pengkaji membuat keputusan untuk memilih beliau sebagai tokoh dalam kajian sejarah lisan.

Pengkaji seterusnya mendapatkan kelulusan daripada pihak pensyarah dan surat kebenaran menjalankan penyelidikan daripada pihak Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan. Setelah itu, pengkaji telah menyiapkan set soalan yang akan digunakan dalam sesi wawancara bersama tokoh dalam tempoh masa yang ditetapkan. Pengkaji menyerahkan soalan dan surat kebenaran kepada tokoh melalui media sosial "*Whatsapp*". Tokoh bersetuju untuk menjalani proses temu bual dan temu janji

dibuat pada 11hb. Januari 2023 di kediaman beliau iaitu Kota Baharu, Kelantan pada pukul 2 petang sehingga 4 petang. Proses temubual ini dijalankan secara bersemuka.

8. HASIL KAJIAN

Melalui sesi temubual bersama Encik Wan Abdul Halim, beliau berkongsi dan menjelaskan beberapa informasi penting. Berikut merupakan hasil kajian yang diperoleh:

8.1 Latar Belakang Seorang Tokoh Silat

Encik Wan Abdul Halim Wan Mamat merupakan seorang guru akademik sebelum beliau beralih kepada kerjaya sepenuh masa sebagai seorang jurulatih Silat Gayong Pusaka. Beliau mendapat pendidikan menengah di Sekolah Menengah Teknik Kuala Lumpur dan memulakan kerjaya sebagai seorang guru pada tahun 1977 di Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Nipah, Bachok. Tugasan beliau sebagai pendidik berakhir di Sekolah Pengkalan Kubor 1 pada tahun 2016 dengan tempoh perkhidmatan selama 39 tahun dalam bidang perguruan.

Beliau mula mempelajari silat iaitu seni Silat Kampung pada umur 16 tahun di kawasan perkampungannya dan menyambung mempelajari seni Silat Gayong di Sekolah Menengah Teknik Kuala Lumpur. Beliau bermula mengajar ilmu Silat Gayong pada tahun 1977 sehingga sekarang. Pada tahun 1983, Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong Malaysia ditubuhkan dan beliau dilantik sebagai Setiausaha Agung bagi Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong di negeri Kelantan. Terdapat enam cawangan pusat latihan silat gayong di negeri Kelantan termasuklah di Wakaf Bharu, Pasir Mas, Kota Bharu, Tanah Merah, dan juga Cawangan Negeri. Bilangan pelajar yang menganggotai persatuan ini adalah dalam lingkungan 2000 hingga 3000 pelajar di seluruh negeri Kelantan.

Encik Wan Abdul Halim seorang yang aktif bergiat membantu anak-anak kampung tempatan dalam mempelajari ilmu bela diri dan beliau sendiri mengajar seni silat terutamanya seni Silat Gayong. Beliau adalah antara guru-guru Silat Gayong yang bertaraf Bengkong Hitam Harimau Pelangi Chula Sakti yang pertama dalam Kelantan. Beliau dengan sukarela membina gelanggang silat di persekitaran rumahnya agar dapat melaksanakan latihan-latihan silat di bawah penyeliaan beliau. Setelah bertahun-tahun menumpahkan jasa beliau dalam bidang silat, beliau yang bergerak aktif di bawah Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong Malaysia mampu melahirkan pesilat-pesilat bertaraf dunia sehingga mampu bertanding di pertandingan peringkat antarabangsa seperti SUKMA, Sukan SEA, Belgium Open Championship dan lain-lain. Pesilat-pesilat yang dilatih mampu mencipta nama dalam kejohanan silat seni dan silat olahraga di peringkat negeri, Malaysia dan juga dunia di bawah bimbingan Cikgu Wan Abdul Halim sebagai jurulatih silat yang dikenali ramai. Encik Wan Abdul Halim bertekad untuk memartabatkan seni Silat Gayong di seluruh negeri Kelantan.

8.2 Budaya Seni Silat

Seni silat merupakan budaya yang telah lama diterapkan dalam kalangan masyarakat Melayu. Pada zaman dahulu, silat merupakan salah satu kewajiban untuk setiap keluarga masyarakat Melayu sebagai ilmu bela diri yang dapat mengekalkan keselamatan sesebuah keluarga. Secara umum, seni silat dibezakan daripada seni bela diri lain melalui integrasi elemen "bunga" (estetik) dan "buah" (praktikal). Silat ialah sejenis seni mempertahankan diri yang menggunakan ketangkasan untuk mempertahankan diri. Silat lebih dikenali sebagai sukan tradisi rakyat yang melibatkan dua orang pesilat yang mahir yang bertindak untuk membela diri sama ada menggunakan senjata atau tanpa senjata.

Seni silat ini dijalankan untuk persembahan ataupun untuk memilih pesilat yang terbaik. Sesiapa yang ingin menceburi bidang seni silat perlulah membuat persediaan dari segi kemahiran dan ketangkasan fizikal dan mental. Seni silat adalah terbuka kepada semua kategori umur sama ada kanak-kanak, remaja, mahupun dewasa. Seni silat bukan sekadar melatih fizikal, tetapi juga membentuk keperibadian pesilat berasaskan konsep "adab". Silat juga berperanan mengukuhkan ikatan komuniti melalui institusi gelanggang dan silat merangkumi aspek perubatan tradisional, muzik (gendang silat), dan falsafah ketuhanan. Pengkaji mendapati bahawa transmisi ilmu silat sering kali melibatkan kekuatan dalaman (*internal power*) yang dianggap sama penting dengan kemahiran teknikal.

Perkembangan teknologi dengan kewujudan pelbagai gajet pada era moden ini telah mengalih minat masyarakat terutamanya golongan generasi muda kepada aktiviti fizikal yang bersifat dalam talian (*virtual*), menjadikan seni silat semakin dilupakan oleh masyarakat. Hal ini menyedihkan Encik Wan Abdul Halim di mana beliau merasakan bahawa masyarakat memandang rendah serta memperlekehkan silat sebagai satu seni pertahanan diri Melayu. Beliau berazam agar ilmu yang dikongsikan oleh beliau kepada anak-anak muridnya dapat diperluaskan lagi ke seluruh Malaysia. Beliau berharap dengan tunjuk ajarnya dapat membuka minda masyarakat bahawa ajaran silat patut dimartabatkan lagi bukan sahaja sebagai warisan namun untuk kesihatan dan keselamatan diri.

8.3 Keistimewaan Seni Silat Gayong

Seni Silat Gayong memegang kedudukan unik dalam sejarah bela diri Malaysia kerana ia merupakan antara aliran pertama yang melalui proses penstrukturan secara moden tanpa menghilangkan akar tradisinya. Keistimewaan Silat Gayong terletak pada struktur kurikulumnya yang sangat tersusun—bermula daripada asas pergerakan sehingga ke peringkat penggunaan senjata tradisional seperti 'Kendi' dan 'Simpulan'. Seni Silat Gayong telah diangkat sebagai "Silat Seni Kebangsaan" dengan penubuhan persatuan dan pertubuhan seni Silat Gayong yang mempunyai struktur yang tersusun di beberapa negeri di Malaysia termasuklah di Kelantan. Selain itu, elemen esoterik dalam Silat Gayong, seperti upacara "mandi tapak" dan "mandi seni", merupakan keunikan seni silat ini.

Menurut Encik Wan Abdul Halim, pembelajaran ilmu Silat Gayong mampu memberikan pelbagai manfaat kepada masyarakat dari segi kesihatan mental dan fizikal, keselamatan diri, kekuatan jati diri dan lain-lain. Apabila seseorang individu mengambil peluang untuk menceburi bidang ini, diingatkan bahawa disiplin memainkan peranan yang sangat penting. Dengan adanya disiplin, seseorang itu mampu mengharungi segala cabaran. Disiplin seni silat amat penting untuk diterapkan kepada masyarakat terutamanya generasi muda kerana silat dapat melatih pesilat mempunyai jati diri yang teguh, berdisiplin dalam menjalani kehidupan seharian, kesihatan mental yang cerdas dan fizikal yang cergas. Kejayaan beliau dalam melahirkan atlet-atlet bertaraf dunia yang dapat mengharumkan nama negara telah menjadi bukti bahawa seni Silat Gayong merupakan suatu bentuk acara fizikal warisan budaya Melayu yang mampu diketengahkan sebagai acara bertaraf dunia.

9. KESIMPULAN

Melalui kajian ini pengkaji berharap akan dapat memberi manfaat kepada masyarakat dan generasi muda dalam memartabatkan seni warisan silat gayong. Pengkaji juga berharap agar seni ini akan terus disambut baik oleh masyarakat kerana ianya merupakan adat dan warisan kaum Melayu. Oleh itu, dengan kajian ini pengkaji harap dapat membantu dalam menyuarakan pendapat dan pandangan tokoh berpengalaman dalam bidang ini. Kajian ini juga menunjukkan sejarah lisan berfungsi sebagai jambatan yang menghubungkan kemahiran dan ilmu para mahaguru terdahulu dengan generasi kontemporari.

Dari sudut pembangunan modal insan, Silat Gayong menawarkan wadah yang kritikal bagi pembentukan jati diri masyarakat Malaysia. Menurut Kementerian Kesihatan Malaysia (2022), seni silat mempunyai pelbagai kelebihan dari aspek penjagaan kesihatan fizikal dan rohani. Silat membantu mengawal tekanan darah, mengurangkan risiko penyakit, menambahkan keyakinan dan fokus diri, menambahkan kekuatan otot dan sebagainya. Manakala penulisan Nasir (2020) menggambarkan manfaat silat bagi golongan wanita antaranya adalah bagi menjaga maruah diri dan meningkatkan keyakinan diri mereka.

Harapan pengkaji adalah semoga pendokumentasian sejarah lisan seni Silat Gayong terus diperkasakan sebagai agenda nasional. Khazanah ini mampu melangkaui batas gelanggang untuk menjadi rujukan global dalam kajian etnografi dan sains sukan. Akhir kata, transformasi Silat Gayong daripada sekadar warisan tradisi kepada wadah pembangunan komuniti yang progresif akan memastikan Malaysia memiliki generasi yang bukan sahaja tangkas secara fizikal, tetapi juga ampuh dari segi akhlak dan pemikiran. Melalui pemeliharaan kajian sejarah lisan yang jujur, kita bukan sahaja menjaga sejarah, tetapi sedang membina masa hadapan Malaysia yang lebih berintegriti.

RUJUKAN

- Ashari, M. A. M., & Ariffin, K. (2022). The Development of Seni Silat Melayu in Kota Bharu, 1960-1991. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 12(1), 2708–2717
- Bailey, R. P. (2024). Silat warriors as Malay cultural heroes. *KEMANUSIAAN: Asian J. Humanit*, 31, 127-147.
- Kementerian Kesihatan Malaysia (2022, Julai 2). Silat. <https://www.facebook.com/kementeriankesihatanmalaysia/posts/silat-adalah-seni-mempertahankan-diri-dalam-kategori-sukan-tempur-yang-boleh-mem/408936347935041/>, dicapai pada 7/5/2026.
- Kusrin, J. (2025). 7 Peranan Jurulatih-Guru Silat Melayu dalam Memelihara Warisan dan Membina Masyarakat MADANI. *Seni Gayung Fatani*. <https://senigayungfatani.com/7-peranan-jurulatih-guru-silat-melayu-dalam-memelihara-warisan-dan-membina-masyarakat-madani/>, dicapai pada 4/5/2026.
- Lin, S.H. (2020). Sejauhmanakah sejarah lisan penting dan diperlukan dalam penyelidikan dan penulisan sejarah? <http://dx.doi.org/10.13140/RG.2.2.27531.31527>, dicapai pada 7/5/2026.
- Marzuki, A.A.I. & Salleh, M.M (2024, September 18). Seni silat menyatukan masyarakat pelbagai budaya di Malaysia. *MalaysiaAktif*. <https://malaysiaaktif.my/2024/09/seni-silat-menyatukan-masyarakat-pelbagai-budaya-di-malaysia/>, dicapai pada 4/5/2026.
- Musa, M. (2017). Rekonstruksi masa lampau melalui sejarah lisan: Pengalaman Malaysia. *Persidangan Nasional Sejarah dan Sejarawan Malaysia 2017 anjuran Bahagian Sejarah Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, USM*, 14-15 September 2017'
- Nasir, M.M. (2020, November 26). Belajar silat untuk tingkat keyakinan diri. *MyMetro*. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/11/646413/belajar-silat-untuk-tingkat-keyakinan-diri>, dicapai pada 7/5/2026.
- PSSGM Kebangsaan Official (2026). Sejarah Gayong. *Pertubuhan Silat Seni Gayong Malaysia Kebangsaan*. <https://gayongkebangsaan.com/sejarah-gayong/>, dicapai pada 4/5/2026.
- Saad, S. R. M., Mohamad, R. B. J., Jaafar, C. R. C., & Jan, N. A. W. (2012). Penukilan ilmu baharu melalui sejarah lisan. *Jurnal PPM*, 6, 63-76. http://eprints.usm.my/34074/1/10_Radia_12.pdf, dicapai pada 4/5/2026.
- Siti Haliza Yusop. (2016, Mei 9). Hapus Persepsi Buruk Silat. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2016/05/151757/hapus-persepsi-buruk-silat>, dicapai pada 4/5/2026.
- Thompson, P. (2017). *The voice of the past: Oral history*. Oxford University Press.